

Banjir Kelantan paras bahaya

KUALA LUMPUR - Hujan berterusan semalam terus meningkatkan jumlah mangsa banjir yang dipindah ke pusat pemindahan sementara di Kelantan iaitu 1,184 orang petang ini berbanding 1,132 orang pada tengah hari.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri berkata, 27 pusat pemindahan di tujuh daerah dibuka setakat ini.

"Sehingga petang ini (semalam), Pasir Mas masih merupakan daerah paling teruk terjejas dengan 11 pusat dibuka di situ," katanya.

Beliau berkata, dua sungai utama di Kelantan kini berada pada paras amaran iaitu Sungai Golok di Rantau Panjang dan Sungai Kelantan di Jambatan Guillemard.

Di Terengganu, jumlah mangsa banjir yang berada di pusat pemindahan ialah 2,402 berbanding 2,678 pada sebelah pagi.

Terdapat 573 mangsa banjir di Besut, 112 di Hulu Terengganu, 1,540 di Setiu 166 di Kemaman dan 11 di

INFO

Jumlah mangsa banjir

Kelantan - 1,184 orang

Terengganu - 2,402 orang

Pahang - 11 orang

Johor - 13 orang

Marang. Paras air sungai di beberapa tempat juga dilaporkan melebihi paras bahaya iaitu di Besut, Setiu dan Hulu Terengganu.

Di Pahang, 11 daripada dua keluarga di Kampung Chendor Batu, dekat Kuantan menjadi mangsa pertama di negeri ini yang dipindahkan akibat banjir.

Jurucakap Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, mereka yang terlibat enam lelaki, empat wanita dan seorang kanak-kanak perempuan dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Balai Raya Kampung Chendor.

"Semua mereka dipindahkan selepas rumah mereka dinaiki air sedalam se-

tengah meter lewat malam tadi," katanya.

Jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran Pahang berkata, empat sungai utama di negeri berkenaan telah melebihi paras amaran, iaitu Sungai Triang di Bera, Sungai Belat, Sungai Lembing dan Sungai Kuantan.

Jurucakap itu berkata, air Sungai Triang berada pada paras 33.7 meter (m), Sungai Belat (3.27m), Sungai Lembing (38.51m) dan Sungai Kuantan (20.18m).

"Penduduk yang berada di kawasan sekitar sungai berkenaan diminta supaya berjaga-jaga bagi menghadapi kemungkinan banjir," katanya.

Di Johor, 13 mangsa banjir daripada dua keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan Balai Raya Kampung Cahaya, Air Hitam sehingga pukul 4 petang ini.

Menurut Bilik Gerakan Bencana Negeri Johor, hanya sebuah pusat pemindahan masih dibuka di negeri itu. - Bernama

Hujan berterusan hari ini

KUALA LUMPUR - Hujan sekejap-sekejap dan kadang kala lebat di Terengganu, Pahang dan Kelantan dijangka berterusan sehingga hari ini dan boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah, demikian menurut Jabatan Meteorologi Malaysia.

Hujan sedemikian di Terengganu dijangka berlaku di daerah Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman, sementara di Pahang di daerah Kuantan dan Pekan, sementara di Kelantan di Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang.

Hujan sekejap-sekejap kadang-kala sederhana pula turut diramal berlaku sehingga hari ini di Perlis iaitu di Padang Besar, Kangar dan Arau sementara di Kedah di Kubang Pasu, Padang Terap, Kota Setar, Pokok Sena, Pendang dan Langkawi.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan dikeluarkan pada 10.30 pagi semalam turut memaklumkan bahawa amaran hujan

lebat (peringkat merah) di Terengganu dan Pahang yang dikeluarkan pada 5.35 petang kelmarin telah diturun taraf kepada amaran hujan lebat (peringkat jingga).

Ia turut mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora (kategori kedua) dengan kelajuan 50-60 kilometer sejam (kmsj) dengan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter (m) di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Samui, Condore, Reef North dan Layang-Layang akan berterusan sehingga Selasa depan.

Angin kencang dan laut bergelora (kategori pertama) dengan kelajuan 40-50kmsj dengan ombak mencapai 3.5m di perairan Pulau Langkawi, Perlis, utara Kedah, Pahang, Johor timur, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah (pedalaman, Pantai Barat dan Kudat), Phuket, Tioman, Bunguran, Reef South dan Palawan juga diramal berterusan hingga Selasa depan.

Menurutnya, kawasan pantai di Pantai Timur Semenanjung kini terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut. - Bernama